UHM/DA49/UM/20.10.2005/p: 26 (4)

Balik raya: UMHSB sediakan 25 bas

UM 20/10/05 26:4.

SINTOK 19 Okt – Uniutama Management Holding Sdn. Bhd. (UMHSB), anak syarikat milik penuh Universiti Utara Malaysia (UUM) menyediakan sebanyak 25 buah bas untuk pelajarnya pulang berhari raya.

Pengurus Unit Pengangkutan UMHSB, Anuar Che Mansor berkata, kesemua bas itu akan bertolak mulai 27 hingga 30 Oktober ini dan antara destinasi tumpuan ialah Pahang, Johor, Kelantan, Terengganu dan Kuala Lumpur.

Katanya, pelajar boleh mendapatkan tiket mereka melalui ejen yang dilantik oleh UMHSB.

"Kita tidak utamakan keuntungan, tetapi keselesaan dan perjalanan selamat adalah matlamat kami," katanya.

Anuar berkata, pihaknya juga mengutamakan ciri-ciri keselamatan pada kenderaan dan telah menasihatkan pemandunya supaya bergilir-gilir ketika memandu serta mematuhi peraturan jalan raya.

Selain perkhidmatan bas anak syarikat milik penuh UUM, Uniutama Travel dan Tours juga menyediakan perkhidmatan jualan tiket penerbangan sejak dua bulan lalu ke destinasi dalam dan luar negara.